

09/06/1997

Sekolah di Sarawak tetap dibuka

PEKAN, Ahad - Kementerian Pendidikan tidak bercadang menutup sekolah rendah di Sarawak apabila sesi persekolahan dibuka semula esok walaupun 20 kanak-kanak di negeri itu mati akibat disyaki diserang viral miokarditis B.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata sesi persekolahan akan dibuka seperti biasa esok berikutan serangan penyakit itu, setakat ini hanya membabitkan kanak-kanak berusia bawah empat tahun manakala murid sekolah pula berusia enam tahun ke atas.

Bagaimanapun, beliau berkata, sebarang keputusan berhubung perkara itu selanjutnya bergantung kepada nasihat Kementerian Kesihatan manakala kementerianya akan mengawasi perkembangan penyakit itu.

"Sesi persekolahan akan diteruskan esok dan keputusan sama ada untuk menutupnya hanya dilakukan jika mendapat nasihat Kementerian Kesihatan.

"Setakat ini, murid sekolah selamat daripada serangan penyakit terbabit kerana kebanyakan mangsa adalah kanak-kanak berusia bawah empat tahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Pekan, di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Kementerian Kesihatan belum dapat mengesahkan punca kematian 20 kanak-kanak di Sarawak dalam tempoh kurang dua bulan, sama ada mereka diserang viral miokarditis B atau sebaliknya.

Berikutan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, mahu penyakit itu dikenali sebagai viral miokarditis atau penyakit tangan, mulut dan kaki.

Sementara itu, Najib berkata, Umno bercadang mengadakan persidangan khas tahun depan bagi meminda beberapa peruntukan dalam perlembagaan parti termasuk mengenai kedudukan undi bonus dan tempoh sewajarnya pemilihan jawatan dilakukan.

Ketika ini, Umno masih mengumpulkan pelbagai cadangan berhubung perkara itu dari bahagian dan Badan Perhubungan Negeri melalui Jawatankuasa Perlembagaan yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Najib berkata, jawatankuasa akan menilai pelbagai cadangan secara teliti sebelum dibawa ke persidangan itu untuk dipertimbangkan.

(END)